PENANG

1 - 15 MEI, 2025

PERCUMA

PENANG 2030

BULETIN MUTIARA

www.buletinmutiara.com | buletinmutiara | ChowKonYeow | chowkonyeow | @ChowKonYeow

# Sokongan padu rakyat projek besar direalisasikan

Oleh : **ZAINULFAQAR YAACOB**
Gambar : **MUHAMAD AMIR IRSYAD OMAR**



KETUA Menteri (berbaju batik jingga) bersalaman dengan para pengunjung pada Majlis Rumah Terbuka Aidilfitri Yang Dipertua Negeri Pulau Pinang bersama Kerajaan Negeri di sini baru-baru ini.

**BAGAN JERMAL -** Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Chow Kon Yeow berkata bahawa dalam tempoh pentadbiran berbaki bagi penggal Dewan Undangan Negeri Pulau Pinang Yang Ke-15 ini, beliau berharap beberapa projek besar negeri dapat berjalan lancar dan direalisasikan kelak.

"Projek *Silicon Island* di selatan pulau Pulau Pinang, tahap pencapaian adalah lebih 100 ekar dan tanah-tanah tersebut akan mula dijual pada hujung tahun ini untuk tujuan industri; Transit Aliran Ringan (LRT) Laluan Mutiara, kerangkanya telah mula kelihatan di beberapa lokasi sekitar kawasan pulau negeri; Projek Lebuhraya Bertingkat Juru - Sungai Dua akan dilaksanakan dalam suku keempat tahun ini dan dijangka siap sepenuhnya pada tahun 2030; Pakej 1 - Laluan Berkembar Pesisir Pantai Utara (NCPR) dari Tanjung Bunga ke Teluk Bahang dijangka mula pada tahun depan dan kini, kita sedang menunggu status serta berita baik Projek Air Perak - Pulau Pinang yang akan menambah baik pembekalan air di daerah Seberang Perai Selatan (SPS).

"Setelah 10 tahun kita perjuangkan, ada banyak projek diluluskan dalam tempoh saya sebagai Ketua Menteri, justeru saya perlu pastikan pada baki penggal perkhidmatan saya, projek-projek besar negeri ini perlu berjalan lancar dan direalisasikan.

"Pastinya, perjuangan memerlukan sokongan padu daripada seluruh rakyat Pulau Pinang untuk terus memberi kepercayaan kepada kita dan juga Kerajaan Perpaduan kini," jelasnya yang juga Exco Kewangan, Pembangunan Ekonomi & Tanah dan Komunikasi di sini pada 10 April lalu.

Beliau berkata demikian pada Majlis Rumah Terbuka Aidilfitri Yang Dipertua Negeri Pulau Pinang bersama Kerajaan Negeri di sini yang mencerminkan kepimpinan prihatin serta dekat dengan rakyat jelata.

Selain itu, Kon Yeow menyatakan bahawa pentadbirannya akan mengambil langkah proaktif yang selari dengan Kerajaan Persekutuan bagi mendepani situasi ekonomi global susulan pengumuman kadar tarif baharu oleh Amerika Syarikat pada 9 April lalu.

"Selari dengan usaha Kerajaan Persekutuan, Kerajaan Negeri juga mengambil tindakan proaktif dan relevan dalam berhadapan dengan situasi berkenaan.

"Kedudukan Pulau Pinang yang sekali lagi menjadi penyumbang eksport utama dalam negara dengan nilai RM9.3 bilion pada Februari 2025 dikhuatiri akan menerima impak yang serius susulan pelaksanaan tarif ini,'' ujarnya yang juga Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Padang Kota merangkap Ahli Parlimen Batu Kawan.

Selain Tuan Yang Terutama (TYT) Tun Ahmad Fuzi Abdul Razak dan isteri, Toh Puan Khadijah Mohd. Nor turut hadir memeriahkan penganjuran berkaitan adalah mantan Ketua Menteri, Lim Guan Eng yang juga Ahli Parlimen Bagan merangkap ADUN Air Putih; Yang Dipertua Dewan Undangan Negeri Pulau Pinang merangkap Pengerusi Majlis-Majlis Rasmi Kerajaan Negeri, Dato' Seri Law Choo Kiang serta isteri, Datin Seri Teoh Hooi Tuang; Timbalan Ketua Menteri I, Dato' Dr. Mohamad Abdul Hamid serta isteri, Datin Noraini Abd. Jalil dan Setiausaha Kerajaan Negeri, Dato' Zulkifli Long serta isteri, Datin Faziah Johari.

# Pemergian Azmi Hussin

## kehilangan sebutir permata seni karikatur

Oleh : **NUR ASHIKIN ISMAIL**
Gambar : **SITI NURATIKAH RAHMAT**



**KETUA** Menteri menyampaikan sumbangan kepada Marjanah Shammoon Rali (empat dari kiri) di sini baru-baru ini.

**SEJUMLAH** RM12,640 berjaya dikumpulkan menerusi hasil jualan buku dan karya seni milik Allahyarham Azmi Hussin atau nama sebenarnya Mohd. Azmi Mohd. Hussin pada 9 Mac lalu.

Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Chow Kon Yeow berkata bahawa jumlah yang terkumpul itu diserahkan kepada keluarga karikaturis sohor tempatan melalui balunya, Marjanah Shammoon Rali.

"Seperti yang kita tahu, Allahyarham Azmi telah berjaya mengukir nama dalam industri seni dan berkreativiti tinggi dalam menggambarkan citra lokaliti di Pulau Pinang.

"Walaupun Allahyarham tidak lagi bersama kita secara fizikal, namun karya beliau sentiasa diingati, beliau merupakan seorang idola, mentor dan sahabat baik kepada ramai orang, bahkan hasil karya beliau turut menggambarkan rasa cinta dan kasih sayang bukan sahaja terhadap negeri Pulau Pinang tetapi warganya.

"Sumbangan beliau (melalui karya seninya) kepada negeri dan negara telah menjadikan beliau seorang tokoh yang dikenali bukan sahaja secara lokal bahkan juga luar negara juga, malah, hasil karya seni beliau juga sentiasa bersemangat dalam menceritakan kisah-kisah lokal, khususnya yang menonjolkan keunikan masyarakat berbilang kaum dan budaya di sini.

"Pulau Pinang kehilangan sebutir permata seni yang berharga," ujar Kon Yeow pada majlis khas penyampaian sumbangan berkaitan di Pejabat Ketua Menteri pada 27 Mac lalu.



**SALAH** satu pencapaian yang berjaya dilakar oleh Allahyarham dalam MBOR.

Hadir sama, Pengurus Besar George Town World Heritage Incorporated (GTWHI), Dr. Ang Ming Chee dan Pengarah Festival George Town (GTF), Jack Wong.

Pada majlis sama, Kon Yeow turut menyampaikan sumbangan daripada pihaknya kepada balu Allahyarham yang ditemani anak-anaknya.

Sementara itu, ketika ditemui usai majlis berkaitan, Marjanah yang masih bersedih atas kehilangan suaminya melahirkan rasa syukur dan berterima kasih kepada Kerajaan Negeri dan GTWHI atas sumbangan tersebut yang sangat membantu dalam menampung keperluan harian keluarganya.

Azmi kembali ke Rahmatullah pada usia 41 tahun pada 5 Mac lalu setelah dikatakan mengalami serangan jantung ketika dalam perjalanan pulang dari bazar Ramadan di Paya Terubong bersama-sama keluarganya.

Allahyarham memulakan kerjaya sebagai karikatur jalanan pada usia 29 tahun.

Antara pencapaian terbesar Allahyarham adalah buku komik bertajuk *'The Little Mamak'* yang mana tersenarai antara 50 buku terbaik di Malaysia oleh Majlis Buku Negara dan mewakili negara ke Pesta Buku di Frankfurt.

Allahyarham juga pernah menerima tiga pengiktirafan dalam *Malaysia Book of Records* (MBOR) iaitu *'The Most Number of Live Caricature in 24 Hours'* (2017), *'The Longest Coffee Painting'* (2018) dan *'Longest Single Comic Strip'* (2021).

Antara buku komik beliau adalah *'Tanjong Life'* (2015), *'The Little Mamak'* (2016), *'Lost in Bagan'* (2017), *'Tanjong Life: The New Norm'* (2021) dan *'Tanjong Life: Back to the 90's'* (2022).

Beliau meninggalkan seorang balu, Marjanah, 51 dan tiga cahaya mata, Muhamad Asnawi Mohd. Azmi (17) Muhamad Aswad Ariff Mohd. Azmi (15) dan Nur Shahzanani Mohd. Azmi (11).




**KARYA-KARYA** Allahyarham semasa hayatnya.

# Sumbangan pukat hargai nelayan

Oleh : **WATAWA NATAF ZULKIFLI**
Gambar : **MUHAMAD AMIR IRSYAD OMAR**

**KERAJAAN** Negeri dan Kerajaan Persekutuan memperuntukkan RM500,000 kepada semua nelayan Zon A (Pulau Pinang) yang aktif dan berlesen bagi membeli peralatan menangkap ikan.

Menurut Exco Agroteknologi & Keterjaminan Makanan dan Pembangunan Koperasi, Fahmi Zainol, sumbangan tersebut membuktikan bahawa Kerajaan Perpaduan tidak pernah membelakangkan peranan penting nelayan dalam memastikan keterjaminan makanan di negara ini.

"Bantuan yang akan diberikan adalah dalam bentuk baucar dengan nilai RM350 yang mana ia boleh ditebus di kedai-kedai terpilih.

"Nelayan yang layak boleh mendapatkan baucar ini di pusat khidmat Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) masing-masing," ujarnya pada Majlis Munajat dan Majlis Serahan Bantuan Nelayan dekat Balai Rakyat Bayan Baru di sini baru-baru ini.

Hadir sama, Timbalan Speaker Dewan Undangan Negeri (DUN), Dato' Azrul Mahathir Aziz, Pegawai-pegawai Penyelaras Kawasan Undangan Negeri (PPK) dan wakil-wakil jabatan terlibat.

Dalam pada itu, Fahmi yang juga ADUN Pantai Jerejak turut menzahirkan penghargaan kepada nelayan-nelayan di Pulau Pinang yang telah mencatatkan tangkapan ikan sebanyak 38,791.16 tan metrik untuk tahun 2024.

"Ia menunjukkan peningkatan berbanding tahun 2023 yang merekodkan 38,226.24 tan metrik.

"Semoga bantuan ini juga akan memberi motivasi kepada nelayan untuk terus meningkatkan hasil tangkapan nelayan Pulau Pinang," jelasnya.

Pada masa sama, Fahmi berharap agar pemberian insentif tersebut akan diteruskan dengan mengambil kira keperluan pihak nelayan yang terpaksa berdepan dengan kenaikan harga peralatan menangkap ikan di pasaran ketika ini.

"Niat saya supaya para nelayan tahu, anda tidak diabaikan dan berharap pihak tuan-tuan serta puan-puan akan terus menjadi tulang belakang dalam aspek keterjaminan makanan rakyat Pulau Pinang dan negara.

"Diharapkan legasi ini akan diteruskan pula oleh anak muda," katanya.




**FAHMI Zainol (depan, berkemeja biru) dan Azrul Mahathir Aziz (depan, tiga dari kanan) merakam gambar kenangan bersama-sama barisan jemputan dan penerima seusai Majlis Munajat dan Majlis Serahan Bantuan Nelayan Daerah Barat Daya di sini baru-baru ini.**



**FIRUZ Amir.**

Pada majlis tersebut, seramai 671 nelayan dari 21 unit nelayan di bahagian pulau menerima sumbangan tersebut. Pada majlis berasingan, seramai 701 nelayan di kawasan Seberang Perai turut menerima sumbangan baucar berkaitan dalam majlis yang diadakan dekat Dataran Masjid Jamek Al-Hidayah, Penaga, Daerah Seberang Perai Utara (SPU).

Sementara itu, Ketua Unit Nelayan Sungai Pinang Balik Pulau, **FIRUZ AMIR** menyambut baik pemberian insentif tersebut, dan menyifatkannya sebagai penghargaan kepada jasa nelayan dalam memastikan sumber makanan terjamin.

"Saya merakamkan ucapan terima kasih kepada kerajaan yang begitu memahami keadaan nelayan, dan sumbangan seperti ini saya anggap sebagai cara mengenang jasa nelayan.

"Bukan sekadar hasil laut, bahkan aktiviti nelayan ini juga adalah penyumbang kepada kemajuan ekonomi negara," kongsinya ketika ditemui Buletin Mutiara pada majlis berkenaan.

Nada sama turut disuarakan oleh Pengerusi Nelayan Pulau Pinang Selatan, **BADRUL HISHAM**.

"Nelayan memang perlu dihargai melalui pemberian baucar seperti hari ini, sebab mereka adalah penyumbang besar kepada sumber protein negara.



**BADRUL Hisham.**



**YEOH Choo Kang.**

"Kalau nak diharapkan pada sumber lain, mungkin tidak mencukupi, seperti YB (Fahmi) cakap, hasil laut melalui tangkapan ikan juga meningkat pada tahun 2024 berbanding tahun sebelumnya," ujarnya.

Seorang lagi nelayan dari Pantai Acheh, Balik Pulau, **YEOH CHOO KANG** merakamkan penghargaan atas pemberian baucar tersebut.

"Walaupun RM350, boleh tolong orang macam kami untuk membeli barangan keperluan nelayan, bukan pukat sahaja contohnya kalau tong ikan rosak atau peralatan lain pun boleh beli.

"Kalau nilai ini dapat dinaikkan lagi lebih baguslah, boleh beli lebih banyak lagi," katanya.



RUMAH Pam Kampung Naran yang kini beroperasi sepenuhnya.

# Rumah Pam Kampung Naran tingkat sistem tebatan banjir setempat

Oleh : **AINUL WARDAH SOHILLI**
Gambar : **SIEW CHIA EN**

**BATU MAUNG** - Rumah Pam Kampung Naran yang berjaya disempurnakan dalam tempoh 36 bulan dapat mengurangkan risiko dan kekerapan banjir di Kampung Naran dan kawasan sekitarnya termasuk di Zon Perindustrian Bebas (FIZ) Bayan Lepas dan Lapangan Terbang Antarabangsa Pulau Pinang (PIA).

Exco Infrastruktur, Pengangkutan dan Digital, Zairil Khir Johari berkata bahawa projek pembinaan Rumah Pam Kampung Naran merupakan salah satu komponen utama dalam Rancangan Tebatan Banjir (RTB) Sungai Tiram.

"Projek Rumah Pam Kampung Naran adalah projek ketujuh daripada lapan projek mitigasi banjir berimpak tinggi yang mana telah disiapkan dengan kos sebanyak RM9.48 juta.

"Ia bertujuan untuk meningkatkan sistem tebatan banjir di kawasan sekitar, dan merupakan sebahagian daripada projek RTB Sungai Tiram.

"Bagi keseluruhan RTB Sungai Tiram pula, Kerajaan Negeri telah memperuntukkan RM150 juta dan sehingga kini sebanyak enam projek termasuk projek rumah pam ini telah siap sepenuhnya," ujarnya selepas merasmikan Rumah Pam Kampung Naran di sini pada 23 Mac lalu.

Hadir sama, Ahli Parlimen Bayan Baru, Sim Tze Tzin; Pegawai Daerah Barat Daya, Dato' Rosli Halim dan Pengarah Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) Negeri Pulau Pinang, Lt. Kol. Bersekutu (PA) Ooi Soon Lee.

Mewakili Datuk Bandar Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP) ialah Pengarah Kejuruteraan MBPP, Cheah Chin Kooi; Penolong Pengarah Kanan JPS Negeri, Haslinda Mohamad Hamran; pengarah projek, Hafizan Hanip dan penyelaras projek, Firdous Mok Abdullah antara yang turut serta.

Mengulas mengenai skop utama kerja Projek Rumah Pam Kampung Naran, Zairil menyatakan bahawa ia termasuk pembinaan rumah pam dengan dua unit *'screw pump'* berkapasiti 4.0 meter padu per saat ($m^3/s$) dan struktur *'floodwall'* sepanjang 560 meter (m).

"Selain itu, sebuah jambatan atau *'arch bridge'* berbentuk L di CH1300 turut dibina dengan sistem saliran pengumpul sepanjang 1,060m dan paip pembentung sepanjang 30m bagi meningkatkan saliran di kawasan PIA.

"Malah, projek ini direka untuk menampung aliran air dengan kala purata ulangan atau *Average Recurrence Internal*, ARI bagi kejadian banjir yang dijangka berlaku setiap 10 tahun.

"Secara tidak langsung, ini membantu melindungi kediaman dan kawasan komersial serta mengurangkan impak terhadap infrastruktur awam seperti jalan raya, misalannya.

"Saya berharap rumah pam ini dapat berfungsi dengan efisien dan seterusnya memberi manfaat kepada penduduk setempat, terutama dalam memastikan kesejahteraan dalam sistem tebatan banjir yang lebih baik," jelasnya.

Terdahulu, ketika berucap, Zairil memaklumkan bahawa selain enam projek berimpak tinggi yang telah siap sepenuhnya, projek RTB Permatang Rawa dekat Bukit Mertajam kini pada peringkat pelaksanaan di tapak.

"Projek ini dijangka siap sepenuhnya pada akhir tahun ini.

"Bagi kajian reka bentuk terperinci projek RTB Permatang Rawa (Hulu) pula berada pada peringkat draf laporan akhir dan dijangka peruntukan akan dimohon melalui Rancangan Malaysia Ke-13 (RMKe-13) di bawah



ZAIRIL Khir Johari (dua dari kiri) dan Ooi Soon Lee (empat dari kiri) bersama-sama barisan tetamu kehormat menunjukkan tanda bagus sebagai simbol penyempurnaan projek Rumah Pam Kampung Naran dekat sini baru-baru ini.

Rolling Plan Kedua (RP2) pada tahun hadapan," ulasnya.

Enam projek yang telah siap sepenuhnya sebelum ini selain Rumah Pam Kampung Naran adalah RTB Parit 5 dan Parit 4 di Seberang Perai Tengah (SPT); RTB Mak Mandin di Seberang Perai Utara (SPU); RTB Bayan Baru; RTB Taman Iping dan RTB Kampung Naran dekat sini.

Difahamkan, Projek Rumah Pam Kampung Naran berkaitan dikendalikan oleh JPS Negeri Pulau Pinang dengan Saznoor Industries Sdn. Bhd. dilantik sebagai kontraktor utama dan Jurutera Perunding ANR selaku perunding projek.

Sementara itu, Soon Lee memberitahu bahawa pihaknya telah mengenal pasti sebanyak 233 kawasan banjir di Pulau Pinang.

"Daripada jumlah itu, 124 kawasan dikategorikan sebagai *'hotspot'* banjir manakala 109 kawasan lagi sebagai kawasan berisiko banjir.

"JPS Negeri Pulau Pinang sentiasa berusaha mengurangkan risiko banjir melalui pelaksanaan projek tebatan banjir berskala kecil di bawah Peruntukan Pembangunan Negeri dan Mengurus.

"Malah, pihak kami juga melaksanakan kajian reka bentuk terperinci dan pelaksanaan projek tebatan banjir berskala sederhana di bawah Peruntukan Caruman Saliran Negeri.

"Semua projek yang dilaksanakan ini adalah berasaskan rekod kawasan banjir serta hasil kajian reka bentuk terperinci sebagai langkah mitigasi menangani isu banjir," katanya.

# Jelajah Manfaat Rakyat

## diperkukuh, ambil kira keperluan B40



LIM Siew Khim (berkemeja putih) menyantuni Zulkifli Mamat di kediamannya baru-baru ini.

Oleh : **NUR ASHIKIN ISMAIL**
Gambar : **SITI NURATIKAH RAHMAT**

**PROGRAM** Jelajah Manfaat Rakyat diperkenalkan untuk menggerakkan masyarakat setempat menjadi sukarelawan bagi membantu golongan rentan yang memerlukan sokongan sosial.

Exco Pembangunan Sosial, Kebajikan dan Hal Ehwal Bukan Islam, **LIM SIEW KHIM** berkata bahawa program tersebut adalah bertujuan menghubungkan sukarelawan dengan penerima bantuan yang memerlukan untuk mengurangkan beban mereka.

"Sejak tahun 2024, saya bersama-sama dengan pasukan Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) di lima daerah telah turun padang untuk melawat 26 keluarga yang merupakan penerima bantuan.

"Malah, menjelang perayaan Aidilfitri, saya telah berpeluang melawat lima buah keluarga di kawasan daerah Barat Daya (DBD)," jelasnya bersempena program berkaitan pada 25 Mac lalu.

Hadir sama, Pegawai Penyelaras Khas Kepada Ketua Menteri, Gooi Seong Kin; Pegawai Kebajikan Masyarakat Barat Daya, Tham Weng Keat dan Pegawai Penyelaras Kawasan Dewan Undangan Negeri (PPK) Teluk Bahang, Ahmad Zaki Shah Shah Headan.

Turut serta, Pengerusi Pertubuhan Pemulihan Dalam Komuniti (PPDK) Teluk Bahang, Zuki Hasan; Pesuruhjaya Buddhist Tzu-Chi Merits Society Malaysia, Dato' Khoo Boo Leong; Ahli Majlis Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP), Ooi Mei Mei serta barisan Majlis Pengurusan Komuniti Kampung (MPKK) setempat.



ULAM-ULAMAN yang diusahakan oleh para pelatih dan petugas di PPDK Teluk Bahang di sini.



PASUKAN Program Jelajah Manfaat Rakyat Daerah Barat Daya merakam gambar bersama-sama usai program berkaitan di sini.

Mengulas lanjut, Siew Khim yang juga Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Sungai Pinang menyatakan bahawa pelaksanaan Program Jelajah Manfaat Rakyat akan diperkukuh selepas mengambil kira keperluan golongan keluarga berpendapatan rendah (B40).

"Kini, kita berkesempatan menyantuni saudara Zulkifli Mamat dan saudari L. Nalani yang telah jatuh sakit serta memerlukan bantuan selayaknya.

"(Dan) sudah tentu sebagai Exco Kebajikan, saya telah menerajui Program Sukarelawan Mutiara yang dijalankan oleh Kerajaan Negeri, yang mana perkhidmatan ini diberi secara percuma dan dipantau oleh saya dengan kerjasama JKM Negeri Pulau Pinang.

"Selain itu, peranan badan bukan kerajaan (NGO) seperti *Buddhist Tzu-Chi Merits Society Malaysia* juga penting dalam memberikan latihan lapangan kepada sukarelawan.

"Justeru, saya berharap agar lebih ramai masyarakat akan turut serta dalam usaha ini agar kita dapat membentuk komuniti yang lebih prihatin dan saling membantu," ujarnya lanjut.

Serentak itu, Siew Khim turut berkesempatan melawat Pertubuhan Pemulihan Dalam Komuniti (PPDK) Teluk Bahang serta memberi sumbangan duit raya kepada pelatih dan petugas.

"PPDK Teluk Bahang telah berdepan masalah lokasi apabila kadar sewa dinaikkan dan perlu berpindah ke premis yang agak kecil.

"Sehubungan itu, pihak kami mungkin akan usahakan satu tempat yang lebih sesuai untuk keselesaan 40 pelatih dan petugas (7) kini,'' ulasnya.



# NARA pertaruh pelembab bibir ceburi industri kosmetik

**BERMULA** dengan menyertai Program Penang Mentoring (PENMentor) anjuran agensi Kerajaan Negeri, Perbadanan Pembangunan Wanita Pulau Pinang (PWDC), **SAYIDATUL ALIAH SHARULL IDZHAM** kini bergelar seorang usahawan kosmetik.

Selepas menamatkan program tersebut, Sayidatul Aliah, 25, mula mengorak langkah lebih jauh dalam bidang keusahawanan kosmetik dengan memperkenalkan produk pertamanya iaitu *lip matte*, gincu *(lipstick)* dan pelembab bibir *(lip gloss)* di bawah jenama *New Age Radiance Appeal* (NARA).

Baru-baru ini, penulis Buletin Mutiara, **WATAWA NATAF ZULKIFLI** dan jurugambar, **DARWINA MOHD. DAUD** berkesempatan menemu bual Sayidatul Aliah untuk berkongsi rahsia kejayaannya dalam memulakan perniagaan tersebut.

Memulakan bicara, Sayidatul Aliah berkata bahawa penyertaan dalam program PENMentor telah membuka ruang dan peluang kepadanya untuk memulakan perniagaan kosmetik yang diusahakan kini.

"Saya menyertai PENMentor bagi Kategori *Start-up* yang mana khusus untuk mereka yang baru memulakan perniagaan selepas menamatkan pengajian pada tahun 2023.

"Sebelum menceburkan diri dalam bidang keusahawanan ini, saya pernah menjual pelbagai produk daripada usahawan-usahawan tempatan ketika zaman belajar dahulu, dan nilai jualan ketika itu pernah mencecah RM70,000.

"Dari situ saya berfikir, kalau dengan menjual produk usahawan lain pun kita sudah mampu membuat keuntungan, maka jika saya menjual produk sendiri pasti nilai jualannya lebih baik," katanya yang merupakan seorang graduan lepasan Ijazah Kejuruteraan Komputer pada sesi wawancara bersama-sama Buletin Mutiara pada 24 Februari lalu.



SAYIDATUL Aliah Sharull Idzham (kiri sekali) menerima sijil pengiktirafan Program Penang Mentoring (PENMentor) anjuran agensi Kerajaan Negeri.

Setelah membuat pertimbangan dalam segala aspek, Sayidatul Aliah akhirnya memilih untuk menjual produk kosmetik dengan memfokuskan pada *lip matte*, gincu dan pelembab bibir.

"Buat masa sekarang, produk saya sudah berada pada peringkat akhir pengeluaran sebelum memasuki pasaran yang dijangka pada bulan Jun ini.

"Semasa menyertai program PENMentor, saya cuma tampilkan produk yang hampir siap itu sebab sudah ada permintaan, alhamdulillah produk saya berjaya dijual semuanya.

"Segala maklum balas yang diterima, saya akan ambil secara positif dan melakukan penambahbaikan sebelum dipasarkan kepada pengguna," kata usahawan muda kelahiran Lunas, Kedah itu lagi.

*(Sambungan di muka 14).*





DIBUKA UNTUK JUALAN

MEWAH DAN MAMPU MILIK

Rumah Peranginan Yang Paling Mengagumkan dan Berinspirasi.

DISKAUN BUMIPUTERA 5% PERATUS

TANAH PEGANGAN KEKAL

Superlink 3 Tingkat Rumah Impian | Saiz Lot dari 22′ x 70′ | Keluasan Binaan dari 3255 sqft | 4 Bilik Tidur & 1 Unit Studio* | 5 Bilik Mandi

SENI BAHAGIA SDN. BHD. (253996 - M)
A PROPERTY DEVELOPMENT COMPANY

**Pejabat Jualan:** Seni Bahagia Sdn. Bhd. (253996-M)
1-8A, Eden Parade, 1, Jalan Sungai Emas,
Batu Ferringhi, 11100 Penang, Malaysia

Imbas Kod QR untuk pendaftaran dalam talian bagi mendapatkan tawaran harga lumayan

+6010-389 8188
ferringhihills.com.my

Lesen Pemajuan Perumahan : 13207/03-2027/0204(R) . Tempoh Sahlaku : 31/03/24 - 30/03/2027 . Permit Iklan Dan Jualan : 13207/03-2025/0435(R)-(L) . Tempoh Sahlaku : 31/03/24 - 30/03/2025. Tarikh Siap : Oktober 2024 . Pihak Kelulusan Pelan : Majlis Bandaraya Pulau Pinang . Kebenaran Merancang MBPP/OSC/PM /3863/19(LB) (JPB/KM/6152/A) . Nombor Pelan Bangunan MBPP/OSC/PB11557/20(LB) 14 Unit Rumah Teres 2 Tingkat Dan 1 Tingkat Bawah Rendah . Harga Min RM1,350,000.00 dan Harga Maks RM1,715,000.00 . Tanah Pegangan Bebas . **IKLAN INI TELAH DILULUSKAN OLEH JABATAN PERUMAHAN NEGARA.**

# Pasar Awam Seberang Jaya luas, selesa

Oleh : **SUNARTI YUSOFF**
Gambar : **AHMAD ADIL MUHAMAD**

**BANGUNAN** baharu Pasar Awam dan Pusat Penjaja Mukim 1, Seberang Jaya yang dibangunkan oleh Kerajaan Negeri Pulau Pinang sejak tahun 2019 telah beroperasi mulai 1 April lalu.

Kini, pasar awam dan pusat penjaja tersebut dilengkapi dengan 263 ruang niaga yang lebih luas, tidak termasuk 200 tapak peniaga tidak berlesen serta 450 lot parkir kereta.

Ketika tinjauan Buletin Mutiara pada 10 April lalu, rata-rata peniaga dan pengunjung di pasar awam berkenaan meluahkan rasa gembira dengan fasiliti baharu bernilai kira-kira RM19.5 juta yang disediakan oleh Kerajaan Negeri Pulau Pinang itu.



RUANG pasar awam yang lebih luas.

## NORDIN AHMAD



**NORDIN AHMAD**, 52, berkata bahawa keadaan Pasar Awam dan Pusat Penjaja Mukim 1, Seberang Jaya kini jauh lebih luas, selesa dan teratur berbanding sebelumnya.

"Berbanding pasar awam lama yang agak sempit dan sesak, keadaan sekarang adalah jauh lebih baik sama ada untuk peniaga mahupun pengunjung.

"Pelbagai kemudahan telah disediakan oleh pihak berwajib untuk kemudahan para pengunjung dan peniaga seperti kipas, lampu, tandas, surau, ruang parkir yang luas serta ruang makan yang lebih selesa.

"Sebagai pelanggan setia yang sering berkunjung ke sini sejak 18 tahun lalu, saya rasa lebih gembira dengan keadaan sekarang ini," katanya.

Pada masa sama, Nordin yang merupakan anak jati Tanjong Bunga berharap agar peniaga dan pengunjung pasar awam berkenaan dapat bersama-sama menjaga kemudahan yang disediakan terutamanya dalam aspek kebersihan.

"Kerajaan Negeri sudah sediakan kemudahan yang selesa untuk kita semua, jadi menjadi tanggungjawab kita pula untuk menjaganya dengan baik.

"Cuma satu masalah yang saya lihat setakat ini adalah kebanyakan motosikal diparkir di ruang hadapan pasar yang bukan merupakan kawasan khas parkir, ini menyebabkan berlakunya kesesakan di pintu masuk pasar ini.

"Oleh itu, saya harap pihak berwajib dapat memasang papan tanda larangan meletakkan kenderaan di kawasan pintu masuk bagi mengelakkan pengunjung meletakkan kenderaan di tempat yang tidak sepatutnya," katanya yang bekerja di Kulim, Kedah.

## MUHAMMAD SYAFIQ PARAMESWARAN



Nada sama turut disuarakan oleh peniaga sayur-sayuran yang berasal dari Perai, **MUHAMMAD SHAFIQ PARAMESWARAN**, 60 tahun.

"Sudah tentu saya lebih sukakan keadaan sekarang kerana bangunan pasar awam ini lebih luas, bersih dan selesa.

"Saya mula bepindah ke sini sejak 1 April lalu dan saya lihat kebanyakan peniaga lebih gembira berniaga di bangunan baru ini kerana banyak kemudahan disediakan seperti tandas dan lot parkir yang banyak.

"Cuma kalau boleh saya harap PBT dapat menanam lebih banyak pokok di sekitar pasar ini untuk kurangkan bahang panas," katanya yang telah menjalankan perniagaan sejak 30 tahun lalu.

Ditanya mengenai harga jualan, Muhammad Syafiq berkata bahawa beliau masih menetapkan harga yang munasabah mengikut keadaan pasaran semasa.

"Sebenarnya selepas bulan Ramadan baru-baru ini, harga bagi beberapa jenis sayuran mengalami penurunan seperti kacang buncis, cili, bawang, terung dan banyak lagi.

"Saya harap keadaan ini akan mendorong lebih ramai pelanggan untuk datang dan berbelanja di sini," ujarnya.



## AMBIGA DEWI

Bagi peniaga runcit yang juga Penolong Setiausaha Persatuan Peniaga Pasar Awam Seberang Jaya, **AMBIGA DEWI**, 58, menyatakan bahawa kenaikan harga sewaan gerai kepada RM300 masih berbaloi dengan kemudahan yang disediakan kini.

"Ya, memang berlaku kenaikan harga sewa gerai tetapi bagi saya jumlah ini berbaloi dengan semua kemudahan yang kami nikmati kini.

"Jadi, pada saya kenaikan itu mampu ditampung dengan kehadiran lebih ramai pelanggan untuk berbelanja di sini.

"Cuma kedudukan gerai sudah berubah dan mungkin akan menyebabkan pelanggan sedikit keliru, namun saya rasa selepas beberapa bulan beroperasi, semuanya akan kembali seperti biasa," jelasnya sambil memuji langkah Kerajaan Negeri menyediakan ruangan khas kepada penjaja tidak berlesen di pasar berkenaan.

*(Sambungan di muka 9).*

# Pengumpul barang antik aktif dalam kerja amal

**BERMULA** dengan sekadar suka-suka, individu bernama **CHIN CHOONG YIN**, 50, memulakan hobi mengumpul barangan antik termasuk setem dan poskad sejak tahun 1993.

Hobi tersebut diinspirasikan oleh ayah beliau yang mempunyai hobi mengumpul barangan antik yang mana kebanyakannya adalah berkaitan dengan Pulau Pinang sebagai sebuah negeri selat.

Tertarik dengan hobi unik tersebut, wartawan Buletin Mutiara, **WATAWA NATAF ZULKIFLI** dan jurugambar, **ADLEENA RAHAYU AHMAD RADZI** berkunjung ke rumah Choong Yin di Pondok Upeh, Balik Pulau untuk mendapatkan maklumat lanjut.

"Ayah saya sudah meninggal dunia pada tahun 2019, tetapi beliau adalah seorang yang bertanggungjawab memberikan inspirasi kepada saya dalam mengumpul artifak-artifak lama ini.



CHIN Choong Yin menunjukkan koleksinya.

"Selepas menamatkan pelajaran di Tingkatan 5, saya mula menceburi bidang ini secara serius sehingga ke hari ini.

"Selain mengumpul artifak, minat mengumpul setem juga bermula daripada mendiang ayah saya, apa sahaja tinggalan beliau, saya masih pelihara dengan baik sampai sekarang termasuk tulisan-tulisan lama serta barangan-barangan antik," ujarnya kepada Buletin Mutiara ketika ditemui pada 13 Mac lalu.

Antara kelebihan Choong Yin adalah beliau fasih bertutur menggunakan dialek tempatan dan pernah menjadi guru tuisyen bagi mata pelajaran Bahasa Melayu dan Sejarah sebelum ini.

Choong Yin menyatakan bahawa antara perkara penting yang tercatat dalam kamus hidupnya adalah beliau pernah menghabiskan wang sebanyak RM80,000 demi cintanya terhadap sejarah.

"Wang tersebut digunakan untuk proses kajian serta menerbitkan buku mengenai sejarah Balik Pulau itu sendiri termasuk mengkaji sumber-sumber sejarah, artifak dan sebagainya.

"Sebenarnya, proses menulis buku bukanlah sesuatu yang mudah, sebaliknya kita perlu menghabiskan banyak masa untuk menyiapkannya dalam tempoh beberapa tahun.

"Harapan saya adalah dengan penulisan-penulisan yang dihasilkan, ia mampu mendidik generasi muda di Balik Pulau tentang kekayaan sejarah setempat di sini," ulasnya yang juga mahir dalam bidang tanah.

Menceritakan mengenai cabaran, Choong Yin menyatakan bahawa di sebalik kejayaan yang dikecapi kini, beliau juga tidak terlepas daripada berdepan dengan cabaran tersendiri.

"Cabaran paling utama adalah dari segi kewangan yang mana minat saya ini menuntut pengorbanan wang ringgit kerana pada masa sama, saya juga menyediakan kos bagi rawatan isteri yang sedang sakit," ujarnya.

Pada 22 Mac lalu, Choong Yin turut berpeluang mengadakan pameran di Sekolah Jenis Kebangsaan Cina (SJKC) Tar Thong, Balik Pulau dengan mempamerkan lebih 20 wang kertas lama serta artifak-artifak bersejarah yang lain.

Ketika ditanya mengenai hasrat untuk membuka sebuah galeri di Balik Pulau, Choong Yin memberitahu bahawa beliau berharap perkara tersebut dapat direalisasikan dalam tempoh lapan tahun akan datang.

"Saya harap satu hari nanti perkara tersebut dapat direalisasikan di Balik Pulau untuk menarik lebih ramai pelancong dari dalam dan luar negara.

"Memang itu impian saya, dan berharap ia berjaya dicapai, walaupun saya tahu perkara tersebut bukanlah sesuatu perkara yang mudah," ulasnya lanjut.

Di sebalik cintanya kepada perihal sejarah dan barangan lama, Choong Yin turut aktif dalam aktiviti kemanusiaan.

"Saya menubuhkan Pertubuhan Kebajikan Dan Upacara Pengebumian Daerah Barat Daya yang mana ia adalah pertubuhan kebajikan amal berkaitan pengebumian.

"Ia bermula sebagai inisiatif kecil saya seorang diri sebelum berkembang menjadi sebuah pertubuhan bukan kerajaan (NGO).

"Bermula tahun 2020, saya mendedikasikan kehidupan saya kepada pertubuhan ini dengan membantu mereka yang memerlukan bersama dengan 20 ahli yang lain dalam memberi khidmat kepada komuniti," maklumnya.

Setiap ahli turut menyumbang RM200 setiap bulan bagi membantu golongan yang kurang berkemampuan.

"Kami turut terlibat dalam sumbangan berkaitan Kerajaan Negeri dan matlamat utama kami adalah untuk memastikan upacara pengebumian dapat berjalan dengan lancar sekiranya keluarga itu kurang mampu.

"Ini merupakan salah satu cara kami memberi khidmat sosial kepada masyarakat," katanya menutup bicara.



SEBAHAGIAN koleksi berharga.

(Sambungan dari muka 7).

# Peniaga, pengunjung gembira

Peniaga minuman, **SYED FAIZAL SYED KHAZIM**, 48, pula menyatakan bahawa beliau sangat berpuas hati dengan fasiliti baharu tersebut kerana lebih luas dan selesa selain lot parkir yang mencukupi.

Namun katanya, beberapa penambahbaikan wajar dilakukan oleh pihak berkuasa tempatan (PBT) termasuk menyediakan lebih banyak tong sampah bagi mengelakkan pengunjung membuang sampah di tempat tidak sepatutnya.

"Selain itu, saya berharap pihak berwajib juga dapat menambah bilangan meja makan terutamanya di kawasan yang masih lapang kerana pengunjung mengadu tempat makan masih belum mencukupi untuk mereka menjamu selera.

"Kalau PBT tidak boleh buat penambahan, mereka boleh juga serahkan kepada peniaga untuk membuka meja sendiri tetapi dengan syarat meja tersebut tidak boleh sampai menghalang laluan orang kurang upaya (OKU) yang disediakan," jelasnya.

Syed Faizal memberitahu bahawa peningkatan jumlah sewa ketika ini adalah berjumlah RM300 berbanding RM190 sebelum ini sehingga menyebabkan beliau terpaksa menaikkan sedikit harga minuman sekitar 10 sen atau 20 sen mengikut keadaan semasa.

"Namun, pada saya jumlah sewaan gerai ini tidaklah terlalu membebankan kerana kita jangka pengunjung juga akan bertambah memandangkan lokasi sekarang ini lebih strategik kerana dekat dengan kawasan perumahan.

"Setakat ini, saya lihat kehadiran pengunjung masih ramai terutamanya semasa cuti musim perayaan baru-baru ini," ulasnya yang mula menjalankan perniagaan menjual kuih dan minuman di situ sejak tahun 1992.



**SYED Faizal Syed Khazim.**



**RUANGAN pasar basah yang lebih tersusun dan selesa.**



**KAWASAN parkir yang lebih luas.**


ARI MELLIZO

PANGSAPURI PINTAR
RUMAH MAMPU MILIK
DENGAN KEMUDAHAN KOMUNITI



IKLAN INI TELAH DILULUSKAN OLEH JABATAN PERUMAHAN NEGARA

HAK MILIK KEKAL





- 2MIN KE AM BANK
- 7MIN KE BAGAN AJAM
- 9MIN KE RAJA UDA
- 10MIN KE SUNWAY CARNIVAL MALL

PELAN LOKASI

- REKABENTUK MODEN DAN MENARIK
- BERDEKATAN DENGAN KEMUDAHAN AWAM
- 3 BILIK TIDUR & 2 BILIK AIR
- KEMUDAHAN PERSENDIRIAN YANG BERBAGAI

| KELUASAN BINAAN | BLOK A | | | BLOK B | | |
|---|---|---|---|---|---|---|
| | HARGA MINIMA | HARGA MAKSIMA | JUMLAH UNIT | HARGA MINIMA | HARGA MAKSIMA | JUMLAH UNIT |
| 950 K.P.S | RM 353,000 | RM 458,000 | 189 UNIT | RM 353,000 | RM 488,000 | 168 UNIT |

PTL RESIDENCE SDN BHD

**PTL RESIDENCE SDN. BHD.**
(Co. No 1346103-V)
30B, FIRST FLOOR,JALAN KULIM
14000 BUKIT MERTAJAM,
PULAU PINANG

UNTUK PENDAFTARAN SILA HUBUNGI :
+604-5480 277

012 - 5105 577 (JESSEN)
018 - 9814 720 (SHIN)

Nama projek : Residensi Murni
No. lesen pemaju : 30530/08-2028/0207 (N)
No.permit iklan & jualan : 30530-1/11-2027/1031(N)-(S)
Tarikh dijangka siap : Dec 2027
Jenis perumahan : Rumah Pangsa / Kondo
Tempoh sah : 16/08/2023 - 15/08/2028
Tempoh sah : 11/11/2024 - 10/11/2027
Jenis pegangan tanah : Hakmilik Kekal
Sekatan Kepentingan : Ada
No pelan susunatur : MBSP/70/39-16/22
No kelulusan pelan bangunan : MBSP/40/20-16/31 (19)
Bebanan tanah : Gadaian (Malayan Banking Berhad)
BLOK A Harga Jualan : RM 353,000 (Min) : RM 458,000 (Max)
BLOK B Harga Jualan : RM 353,000 (Min) : RM 488,000 (Max)
Jenis Unit : (Jenis A) 950 SQFT
Bilangan Parkir : 1 - 2
Pihak berkuasa yang meluluskan : Majlis Bandaraya Seberang Perai

| ADUN | No Tel/ No Faks |
|---|---|
| **N.26 PADANG KOTA**<br>YAB Chow Kon Yeow<br>chowkonyeow@penang.gov.my | (T) 04 - 226 0218<br>(F) 04 - 226 0218 |
| **N.37 BATU MAUNG**<br>YB Dato' Dr. Mohamad Abdul Hamid<br>mohdhamid@penang.gov.my | (T) 04 - 626 1442<br>(F) 04 - 626 1442 |
| **N.29 DATO' KERAMAT**<br>YB Jagdeep Singh Deo<br>jagdeepsinghdeo@penang.gov.my | (T) 04 - 226 2464<br>(F) 04 - 261 8715 |
| **N.15 PADANG LALANG**<br>YB Gooi Zi Sen<br>gooizisen@penang.gov.my | (T) 012 - 500 1571 |
| **N.16 PERAI**<br>YB Dato' Seri Sundarajoo A/L Somu<br>n16.kadunperai@gmail.com | (T) 04 - 397 3600 |
| **N.19 JAWI**<br>YB H'ng Mooi Lye<br>n19dunjawi@gmail.com | (T) 04 - 594 1163<br>(F) 04 - 594 3163 |
| **N.21 SUNGAI ACHEH**<br>YB Rashidi Bin Zinol<br>n21sgachehpk@gmail.com | (T) 04 - 593 2408<br>(F) |
| **N.22 TANJONG BUNGA**<br>YB Zairil Khir Johari<br>tanjongbunga@bukitbendera.org | (T) 04 - 818 3866<br>(F) 04 - 262 5952 |
| **N.30 SUNGAI PINANG**<br>YB Lim Siew Khim<br>limsiewkhim@penang.gov.my | (T) 04 - 657 6630<br>(F) 04 - 658 6630 |
| **N.34 PAYA TERUBONG**<br>YB Wong Hon Wai<br>wonghonwai1973@gmail.com | (T) 04 - 826 1898<br>(F) |
| **N.36 PANTAI JEREJAK**<br>YB Fahmi Zainol<br>fahmizainol@penang.gov.my | (T) 04 - 293 7545<br>(F) 04 - 293 7546 |
| **N.02 BERTAM**<br>YB Datuk Seri Reezal Merican Naina Merican<br>dsrmpusatkhidmat@gmail.com | (T)<br>(F) |
| **N.07 SUNGAI PUYU**<br>YB Phee Syn Tze<br>n07sungaipuyu@gmail.com | (T) 04 - 313 7987<br>(H) 012 - 248 5938 |
| **N.08 BAGAN JERMAL**<br>YB Chee Yeeh Keen<br>cheeyeehkeen@gmail.com | (T) 018 - 388 6317<br>(F) |

| ADUN | No Tel/ No Faks |
|---|---|
| **N.09 BAGAN DALAM**<br>YB Kumaran Krishnan @ Calvin<br>bagandalamn09@gmail.com | (T) 04 - 313 1002<br>(F) |
| **N.13 BERAPIT**<br>YB Heng Lee Lee<br>berapit@dappg.org | (T) 017 - 813 3509<br>(F) 04 - 540 0006 |
| **N.14 MACHANG BUBOK**<br>YB Lee Khai Loon<br>kllee78@gmail.com | (T) 013 - 399 0519<br>(F) 04 - 551 1442 |
| **N.17 BUKIT TENGAH**<br>YB Gooi Hsiao-Leung<br>gooihsiaoleung@penang.gov.my | (T) 04 - 507 5001<br>(F) 04 - 507 5001 |
| **N.18 BUKIT TAMBUN**<br>YB Goh Choon Aik | (T) 04 - 502 5818<br>(F) 04 - 506 2138 |
